



KENYATAAN JUALAN LELONG ASET ALIH

1. Dimaklumkan bahawa Kementerian/ Jabatan **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA** akan mengadakan jualan lelong aset seperti berikut :

Tarikh : **15 APRIL 2026**
Masa : **10:00 PAGI**
Tempat : **PUSAT KONVENSYEN CIDB,
OFF, JLN CHERAS,
55200 KUALA LUMPUR,
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

2. Senarai aset yang akan dilelong adalah seperti di KEW.PA-31. Semua aset boleh dilihat pada tetapan berikut :

Tarikh : **15 APRIL 2026 hingga 15 APRIL 2026**
Masa : **10:00 PAGI hingga 2:00 PETANG**
Tempat : **PUSAT KONVENSYEN CIDB,
OFF, JLN CHERAS,
55200 KUALA LUMPUR,
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

SYARAT DAN PERATURAN LELONGAN ASET ALIH

1. Aset yang akan dilelong adalah tertakluk kepada harga yang telah dipersetujui oleh Pegawai Pengawal.
2. Pembida yang berminat untuk menyertai lelongan perlu mendaftar dengan Pegawai Pelelong dengan memberikan nama penuh, nombor kad pengenalan, dan alamat kepada Pegawai Pelelong semasa lelongan dilakukan.
3. Deposit sebanyak 5% daripada harga yang telah dipersetujui oleh Pegawai Pengawal atau maksimum RM1,000.00 adalah tertakluk kepada jenis aset yang akan dilelong.
4. Pembida yang telah membuat bayaran deposit 5% atau RM1,000.00 adalah dibenarkan untuk membida mana-mana aset namun dilarang sama sekali 'joy buyer / bidder' semasa sesi lelongan sedang berlangsung.

5. Pembida adalah diingatkan untuk membida mengikut keperluan kerana sekiranya pembida berjaya membuat bidaan untuk lebih daripada satu (1) aset, pembida wajib membuat belian bagi aset yang telah berjaya dibida.
6. Penawar harga tertinggi adalah pembida yang berjaya dan jika ada apa-apa perselisihan yang berbangkit mengenai penawar yang tertinggi, aset berkenaan akan dilelong semula.
7. CIDB berhak mengubah senarai aset dan menarik balik mana-mana aset daripada senarai tersebut.
8. Pembida adalah diminta untuk membuat semakan aset terlebih dahulu sebelum aktiviti bidaan dilaksanakan (jika perlu). **Penafian : Gambar mungkin berbeza dengan keadaan asal)**
9. Harga yang ditawarkan oleh pembida tidak boleh kurang daripada Harga Jualan sepertimana di KEW.PA-31.
10. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
11. CIDB adalah tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
12. Bagi pembida yang berjaya tetapi menolak bidaan akan :
 - a. Disenaraihitamkan bagi sesi lelongan seterusnya.
 - b. Bayaran deposit tidak akan dikembalikan
13. Penawar harga tertinggi adalah pembida yang berjaya dan jika ada apa-apa perselisihan yang berbangkit mengenai penawar yang tertinggi, aset berkenaan akan dilelong semula.
14. Pembida yang berjaya hendaklah memberitahu nama penuh, nombor kad pengenalan dan alamat kepada pegawai pelelong semasa jualan dilakukan.
15. Pembayaran penuh hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemakluman pembayaran.
16. Pembida berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pembayaran penuh dijelaskan. Jika tidak, CIDB berhak untuk melupuskannya.
17. Segala bayaran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum aset boleh dikeluarkan daripada premis.

18. Jika dalam tempoh tersebut pembida berjaya tidak dapat menjelaskan bayaran, tawaran akan ditawarkan kepada pembida kedua (2) yang berjaya dan dituruti kepada pembida seterusnya mengikut susunan pembida berjaya.
19. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila email kepada aset@cidb.gov.my.



SENARAI ASET ALIH YANG DILELONG

KEMENTERIAN/ JABATAN: LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN
MALAYSIA

Lot	No. Siri Aset	Jenis Aset	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)	Deposit (RM)
1	CIDB/R/2018/2224 (530014862)	KERUSI KOMPUTER (LOW BACK CHAIR - MATERIAL NETT)	1	30.00	1.50
2	CIDB/R/2018/2229 (530014856)	KERUSI KOMPUTER (LOW BACK CHAIR - MATERIAL NETT)	1	30.00	1.50
3	CIDB/R/2018/2218 (530014869)	KERUSI KOMPUTER (LOW BACK CHAIR - MATERIAL NETT)	1	30.00	1.50
4	CIDB/R/2018/2221 (530014865)	KERUSI KOMPUTER (LOW BACK CHAIR - MATERIAL NETT)	1	30.00	1.50
5	CIDB/R/2020/352 (530018449)	SET SETTEE (DOUBLE SEATER)	1	100.00	5.00
6	CIDB/R/2020/353 (530018448)	SET SETTEE (DOUBLE SEATER)	1	100.00	5.00
7	CIDB/H/2009/52 (600000001)	BAR CENTRE LOCK (BUGGY-KOMPLEKS INDUSTRI PEMBI)	1	500.00	25.00

Handwritten signature

(Tandatangan Ketua Jabatan)

Nama : **FAZILAH MUSTAFA**
Ketua Unit
Jawatan : Unit Pengurusan Fasiliti
Lembaga Pembangunan Industr
Tarikh : Pembinaan Malaysia (CIDB)

Cap Kementerian/ Jabatan :

30/3/20